


Contoh Template Pelaporan Program Mengikut Spesifikasi SDG

Logo Bidang SDG Yang Terlibat	 
Tajuk Program	Exercising at Night : Myths & Facts, Bersama Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi, UiTM Cawangan Pahang
Sub-Item SDG yang terlibat Sila rujuk JK SDG untuk mendapatkan sub-item yang betul	SDG-3.3.2 : Good Health & Wellbeing/ Kesihatan dan Kesejahteraan yang Baik - The campus provides outreach programs and projects in the local community to improve or promote health & wellness. - SDG- 17.3.3 : Publication of SDG/ Penerbitan SDG - Publication of SDG report as of the overall annual university report and separate report- Good health & wellbeing
URL (Hebahan di media sosial) Rasmi: UiTM News Hub, E-News Tak Rasmi : FB, IG,TWITTER	Rasmi : <u>UiTM News Hub : Exercising at Night : Myths & Facts, Bersama Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi, UiTM Cawangan Pahang</u> Tak Rasmi: <u>https://www.facebook.com/105094588043654/posts/241047534448358/?sfnsn=mo</u>
Laporan (Mempunyai elemen seperti ketetapan ini: Tajuk Tarikh Tempat Anjuran/Kerjasama industri,badan	27 Mei 2021(Khamis) Program webinar - Exercising at Night : Myths & Facts, Bersama Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi, UiTM Cawangan Pahang

profesional,individu Objektif Intipati Program Kepentingan Program	Matlamat Pembangunan Mampan atau Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) terdiri daripada 17 matlamat yang dikemukakan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB). Secara ringkasnya ianya meliputi kemajuan masyarakat, perlindungan sosial, kesihatan, kemiskinan, pendidikan, peluang pekerjaan, perubahan iklim dan perlindungan alam sekitar. Bagi menyahut saranan Program Pembangunan Negara Bersatu untuk bidang SDG 3 : “Memastikan kehidupan yang sihat dan meningkatkan kesejahteraan pada semua peringkat usia”,Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi UiTM Cawangan Pahang telah menganjurkan program Webinar Pada 27 Mei 2021 (Khamis), jam 3 sehingga 4 petang, yang bertajuk <i>Exercising at night : Myths & Facts</i> menggunakan medium dalam talian maya Webex. Tujuan program Webinar ini diadakan adalah bagi menyingkap dan mengupas mitos dan fakta bersukan pada waktu malam di samping membetulkan tanggapan yang telah sekian lama bersarang di dalam fikiran individu. Oleh demikian, program Webinar ini telah menjemput Dr Jasmiza Khuzairi Jasme, Pakar Perubatan Sukan Institut Sukan Negara, selaku panel bagi menyampaikan maklumat yang tepat sejajar dengan tajuk program. Program ini, telah dikendalikan oleh En Mohd Zulkhairi Mohd Azam yang merupakan pensyarah kanan FSR UCPH merangkap moderator bagi program Webinar tersebut. Program ini juga telah berjaya menarik minat 455 orang peserta dari kalangan pendidik dan mahasiswa/i institusi pengajian tinggi, guru-guru, jurulatih dan orang awam dari pelbagai bidang. Sepanjang sesi program Webinar selama 1 jam ini, Dr Jasmiza telah menjawab pelbagai persoalan berkenaan fakta dan mitos bersukan pada waktu malam disamping berkongsi ilmu, maklumat dan tips yang perlu diambil kira sebelum,semasa dan selepas bersukan pada waktu malam bagi mencegah kepada permasalahan fisiologi dan psikologi setiap individu. Melalui sesi ini juga, banyak persoalan yang diberikan oleh para peserta yang dapat dirungkaikan dan secara tidak langsung telah memberikan ilmu dan membuka minda para peserta untuk melakukan aktiviti dengan selamat di samping menangkis mitos-mitos yang berkaitan aktiviti sukan pada waktu malam. Berdasarkan pelan strategik Universiti, penganjuran program sebegini dapat memberikan faedah dan kebaikan demi jangkauan dalam komuniti dan masyarakat untuk meningkatkan dan mempromosikan kesihatan & kesejahteraan. Jawatankuasa Pelaksanaan program juga ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada Dr Jasmiza Khuzairi Jasme dan para peserta atas sokongan yang diberikan dalam menjayakan program ini. Laporan oleh Zulkhairi Azam,Nurul Diyana Sanuddin, Fatin Razak
---	---

Bukti (Gambar, Poster)



Template Pelaporan Program Mengikut Spesifikasi SDG

Logo Bidang SDG Yang Terlibat	
Tajuk Program	
Sub-Item SDG yang terlibat Sila rujuk JK SDG untuk mendapatkan sub-item yang betul	-
URL (Hebahan di media sosial) Rasmi: UiTM News Hub, E-News Tak Rasmi : FB, IG,TWITTER	Rasmi : Tak Rasmi:
Laporan (Mempunyai elemen) seperti ketetapan ini: Tajuk Tarikh Tempat Anjuran/Kerjasama industri,badan profesional,individu Objektif Intipati Program Kepentingan Program	
Bukti (Gambar, Poster)	